



Persembahan **dikir barat** di Dataran Merdeka, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]

Dikir barat sambut Hari UNESCO

Kuala Lumpur: Kumpulan dikir barat dari Universiti Putra Malaysia (UPM) membuat persembahan sempena sambutan Hari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di Dataran Merdeka, semalam.

Kumpulan Kijang Emas itu membuat kelainan dengan memakai jersi pasu-

kan bola sepak Kelantan sebagai tanda sokongan kepada pasukan The Red Warrior menentang pasukan Singapura, The Lions XII pada Perlawanan Akhir Piala FA, malam tadi.

Wakil Kumpulan Dikir Barat Kijang Emas UPM, Mawardi Mahusin, 22, berkata beliau berasa teruja dapat membuat persembahan pada Hari UNESCO

dengan memakai jersi bola sepak negeri Kelantan.

Tampil kelainan

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, berkata sambutan Hari UNESCO kali ini menampilkan kelainan dari segi pembabitian masyarakat seiring dengan tema hari berkenaan.